




Dunia misteri Gunung Tianzi

Destinasi pelancongan mirip visual Avatar di Zhangjiajie, Hunan tarik pengunjung

Oleh Hafizah Iszahanid
bhrencana@bh.com.my

China sudah menjadi antara destinasi kembara popular pelancong Malaysia kebelakangan ini. Apatah lagi dengan jarak penerbangan yang tidak lama selain kadar pertukaran mata wang juga masih menguntungkan.

Bagaimanapun, jika ke negara itu, tinggalkan kota kosmopolitan seperti Beijing dan Shanghai, sebaliknya cubalah untuk berkunjung ke Zhangjiajie, Hunan di tengah selatan negara itu.

Hunan dan Kuala Lumpur berjarak hanya sekitar empat ke lima jam penerbangan, namun jika memilih ke sana, sebaiknya lakukan perancangan teliti. Antara faktor yang perlu diambil kira adalah pengangkutan dari Changsha ibu negeri Hunan ke Zhangjiajie, juga makanan halal.

Hal itu bagaimanapun bukan isu besar jika anda memilih menggunakan khidmat ejen pelancongan sama ada dari Malaysia atau Tanah Besar China.

Mengapa perlu ke Zhangjiajie? Satu daripada sebabnya di situlah letaknya Gunung Tianzi, lokasi yang seakan mempunyai dunianya sendiri dek keindahan bentuk muka buminya.

Manakan tidak, di situ gunung-gunang yang mirip bentuk muka bumi yang dirakam dalam filem keluaran 2009, Avatar. Cantiknya gunung-gunang di situ, menjadikan gunung yang bersebelahan dengan Taman Hutan Negara Zhangjiajie, seolah-

olah pintu masuk ke alam mistik yang dipenuhi ribuan puncak batu tegak menusuk langit.

Simbol keberanian

Menariknya, lokasi yang meliputi lebih 67 kilometer persegi menawarkan bukan saja pemandangan berbeza, tetapi juga dari segi ketinggian. Perjalanan kami bermula dengan lembah 534 meter menjangkau hingga ke puncak tertinggi 1,260 meter. Perbezaan altitud yang besar itu, menjadikan setiap sudut Tianzi seperti cerita baharu dalam sebuah naskhah pengembaraan.

Mengikut fakta yang dikutip semasa dalam kembara itu, sebelum ini jajaran gunung ini dikenali dengan nama Gunung Qingyan. Nama Tianzi muncul apabila Xiang Dakun, tokoh etnik Tujia, bangkit sebagai simbol keberanian dan memimpin pemberontakan petani pada era Dinasti Ming. Beliau menggelarkan dirinya Tianzi (putera

▲
Perjalanan kereta kabel hanya enam minit tapi cukup memukau dengan keindahan alam semula jadi.
(Foto ihsan myzarratravel)

▼
Sebahagian pengunjung dari Malaysia merakam kenangan di kaki gunung.
(Foto Hafizah Iszahanid/BH)



◀
Evolusi yang memakan masa selama 300 juta tahun mengubah keseluruhan landskap bentuk muka bumi.



dinaik taraf pada 2016. Perjalanan menggunakan kereta kebal itu sebenarnya bukanlah lama, hanya memakan masa enam minit sahaja. Namun ia cukup untuk menimbulkan pelbagai perasaan bercampur baur.

Manakan tidak, walaupun ketinggian kereta kabel itu mencecah hingga 692 meter dari stesen bawah ke stesen atas, namun di sesetengah laluan ia boleh mencecah hingga 2,084 meter. Diapit pula gunung-gunang yang tirus dan bergerigi, ada pengunjung yang terpegun menikmati keindahan alam, namun tidak kurang yang gerun dengan ketinggiannya.

Transformasi alam

Namun ketakutan atau gaya seharusnya tidak dijadikan alasan, kerana keindahan alam di sepanjang laluan kereta kabel sudah cukup membuatkan anda memilih perkhidmatan itu, selain ia cara mudah menaik atau menuruni Gunung Tianzi.

Apatah lagi, anda sebenarnya akan mudah terpaku pada pemandangan di luar jendela; hutan menghijau, formasi batu unik seolah-olah lukisan tinta tradisional China, ia cepat membawa anda kepada babak-babak dalam drama atau filem dari Tanah Besar China yang mengagumkan latar kisah dinasti kerajaan purba.

Hal ini menjadikan Gunung Tianzi, bukan sekadar destinasi untuk menikmati panorama semata-mata sebaliknya ia menawarkan pengalaman merasai transformasi alam, menyinkap legenda lama. Setiap sudut gunung ini, amat indah untuk dirakam menerusi telefon apatah lagi wajah alam dengan kabus yang menyelubungi puncak gunung, ia seolah-olah pintu masuk ke dunia penuh misteri dan imaginasi.

Bagi anda yang ingin lari daripada keriuhan kota kosmopolitan atau menenangkan hati yang galau dek kesibukan pekerjaan hakiki, mungkin lokasi ini perlu dipertimbangkan untuk dikunjungi.

langit), sebagai lambang maruah dan kebebasan masyarakatnya. Justeru, nama itu kekal diabadikan sebagai simbol penghormatan kepada tokoh berkenaan.

Satu lagi fakta yang menarik, lokasi itu dikatakan sebelum ini adalah dasar laut. Namun evolusi yang memakan masa selama 300 juta tahun mengubah keseluruhan landskap bentuk muka buminya.

Hal itu menjadikan, puncak gunung di situ bagai ditakik, diukir menjadi runcing dan bergerigi, sekali gus meninggalkan imej mempersoalkan lagi unik. Hal itu juga menjadikannya sebagai ikon Tianzi, yang menarik kunjungan ribuan pelancong saban tahun.

Sebenarnya untuk mengenal Gunung Tianzi dengan lebih dekat, menaik kereta kabel adalah antara pilihan yang tidak boleh dilepaskan. Kereta kebal itu dibina kali pertama pada penghujung 1990-an sebelum

